

11/08/1997

Filipina terus dasar utamakan perniagaan

MANILA, Ahad - Presiden Filipina, Fidel Ramos, memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa dasar mengutamakan perniagaan dan yang lain akan diteruskan, walaupun selepas beliau melepaskan jawatannya dalam masa 10 bulan lagi.

Ramos yang diakui sebagai banyak bertanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara itu yang sudah lama uzur dengan dasar ala pensyarikatan Filipina dan kepemimpinan politik yang kukuh berkata, semua dasar yang dibuat semasa pentadbirannya sudah dijadikan undang-undang.

"Dasar ini bukannya arahan presiden atau pun eksekutif. Jaminan yang saya boleh beri ialah semua arahan daripada presiden adalah berdasarkan undang-undang," kata Ramos yang akan menamatkan penggal perkhidmatannya selama enam tahun itu.

"Mereka akan berada untuk tempoh yang lama, sehingga kongres Filipina mengubahnya. Itu satu yang boleh saya katakan," kata ketika diwawancara di Istana Malacanang.

Ketika wawancara itu, Ramos menjawab soalan yang menyentuh pelbagai subjek, tetapi dua perkara yang sangat diminatinya - hubungan `baik' beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perjanjian keamanan di Mindanao yang digariskan oleh beliau untuk menamatkan konflik bersenjata selama hampir tiga dekad di wilayah selatan negara itu yang penduduknya beragama Islam.

Beliau berkata, satu lagi jaminan dasar yang dibuat ketika pemerintahan beliau akan terus bertahan ialah Filipina adalah negara yang terbuka dan demokratik serta rakyatnya tidak mahu yang lain daripada demokrasi ala Filipina.

"Seterusnya, kita seperti juga Malaysia mengikuti dasar kerjasama maksimum dengan jiran kita dan juga negara lain di dunia. Ini bukan saja bagi pertumbuhan ekonomi, malah bagi kemajuan sosial dan perpaduan," katanya.

Ramos diminta menjelaskan mengenai hubungan Filipina-Malaysia dan hubungan peribadi beliau dengan Dr Mahathir, kerana syarikat Malaysia banyak melabur di Filipina sejak beliau menerajui negara itu sehinggakan Malaysia menjadi pelabur asing terbesar di kalangan negara Asean.

Ramos dengan cepat menjawab: "Kedua-duanya sangat baik. Hubungan dua hala adalah sangat baik dan hubungan kita dalam Asean dan secara terus sangat baik.

"Secara peribadi, Dr Mahathir dan saya kawan baru. Baru kerana kita tidak mempunyai hubungan seperti itu sebelum ini, iaitu ketika pemimpin sebelum saya," katanya. - Bernama

(END)